U 0724 AAB

MAHATHIR - PERKILANGAN (ULANGAN MEMBETULKAN PARA KEEMPAT) & & &

KUALA LUMPUR, 7 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENYARANKAN SUPAYA PARA PEKILANG TEMPATAN BERDIKARI DAN TIDAK MENGHARAPKAN APA-APA BENTUK SUBSIDI DARIPADA KERAJAAN UNTUK MAJU.

KATANYA, PENERIMAAN SUBSIDI TIDAK SEMESTINYA MENGUNTUNGKAN MEREKA KERANA BARANGAN DARIPADA PENGELUAR YANG MENDAPAT SUBSIDI KERAJAAN AKAN DIKENAKAN DUTI IMPORT YANG TINGGI OLEH NEGARA YANG MENGIMPORT KELUARAN ITU.

SEMASA BERUCAP MERASMIKAN PESTA PERDAGANGAN 88 ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN CHINA KUALA LUMPUR DAN SELANGOR DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KESAN DARIPADA DUTI IMPORT YANG TINGGI ITU, DAYA PERSAINGAN BARANGAN MALAYSIA AKAN BERKURANGAN.

AKHIRNYA, NEGARA YANG BERUNTUNG DARIPADA SUBSIDI YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN IALAH NEGARA-NEGARA PENGIMPORT HASIL KELUARAN NEGARA, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MAHUKAN RAKYAT MALAYSIA MENCEBURI BIDANG PERKILANGAN DENGAN LEBIH GIAT, SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA NEGARA INI SUDAH TIDAK BOLEH LAGI BERGANTUNG KEPADA SEKTOR PERLADANGAN DAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH. -- LAGI

1222MST 07 12 88

0077

U 0727 AAB

MAHATHIR - PERKILANGAN 2 KUALA LUMPUR

KERAJAAN BERPENDAPAT MASA DEPAN NEGARA BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUANNYA DALAM BIDANGAN PERKILANGAN, JELAS BELIAU.

BELIAU BERKATA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA MELALUI BIDANG PERKILANGAN SEKARANG ADALAH PESAT DAN DIJANGKA MENINGKAT LEBIH TINGGI LAGI PADA MASA AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MEMPUNYAI KECEKAPAN DAN KEUPAYAAN UNTUK MAJU DALAM BIDANG PERKILANGAN, SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA HAKIKAT ITU DIPERAKUI OLEH PARA PELABUR ASING.

BELIAU BERKATA KECEKAPAN DAN KEUPAYAAN RAKYAT MALAYSIA DALAM BIDANG PERKILANGAN KINI DIPERGUNAKAN OLEH PARA PELABUR ASING.

PERDANA MENTERI MENYARANKAN SUPAYA RAKYAT MALAYSIA MEMPELAJARI DAN MENIRU DARIPADA TEKNOLOGI ASING BAGI MENINGKATKAN PENGETAHUAN MEREKA DALAM BIDANG PERKILANGAN YANG SEMAKIN SOFISTIKATED SEKARANG.
-- LAGI

1228MST 07 12 88

0080

U 0960 AAB

MAHATHIR - PERKILANGAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN TELAH BANYAK JENIS PERUSAHAAN DICEBURI OLEH PARA PEKILANG, MASIH BANYAK PERUSAHAAN BARU BOLEH DITEROKAI.

KATANYA, MALAYSIA MEMPUNYAI IKLIM PELABURAN YANG BAIK KERANA MASIH MENDAPAT KEISTIMEWAAN SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN BARU (NIC) YANG TELAH DITARIK BALIK KEISTIMEWAAN BERKENAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYARANKAN SUPAYA PARA PEKILANG TEMPATAN MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN PELABUR-PELABUR ASING UNTUK MENDAPATKAN KECEKAPAN DAN PENGETAHUAN.

APABILA KEBOLEHAN DAN KECEKAPAN ITU SUDAH DIMILIKI, PERDANA MENTERI MAHUKAN SUPAYA INDUSTRI PERKILANGAN DI NEGARA INI DIKUASAI SEPENUHNYA OLEH RAKYAT MALAYSIA.

+INI BUKANNYA SOAL MEGAH, TETAPI HENDAKKAN RAKYAT MALAYSIA MENDAPAT NIKMAT SEPENUHNYA DARIPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA,+ JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIANNYA MELUANGKAN MASA LEBIH SEJAM MELAWAT GERAI-GERAI PAMERAN.

SEBANYAK 134 SYARIKAT MENYERTAI PAMERAN, YANG AKAN DIBUKA SEHINGGA 12 DIS. -- BERNAMA

1324MST 09 12 86